



LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur

Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur

Tel : 03-26982878 / 26967087 Fax : 03-26936881

E-mel : info@lam.gov.my Web : www.lam.gov.my

GENERAL CIRCULAR NO. 3/2010

GUIDELINES ON BRANCH OFFICE AND ASSOCIATED PRACTICE

Paragraph 2(2) of the Code of Professional Conduct for Professional Architects under Second Schedule to the Architects Rules 1996 stipulates the following :

“A Professional Architect shall not establish a branch office unless it is operated in accordance with the guidelines or circulars issued by the Board.”

Pursuant to the above provision, the Board of Architects Malaysia stipulates the following guidelines :

1. An architectural consultancy practice is allowed to establish another office in the following manner :
 - 1.1 branch office - an office run by a Professional Architect which accepts new jobs and is an extension of the main office in a different geographical location.
 - 1.2 associated practice - an extension of the main office in another existing practice.
2. Setting up of Branch Offices
 - 2.1 An architectural consultancy practice is allowed to establish branch offices subject to the following:
 - (i) the branch office shall be managed full time by a Professional Architect registered with the Board of Architects Malaysia;
 - (ii) in the case of a multi-disciplinary practice, the branch office shall be managed full time by either a Professional Architect, a Professional Engineer or a registered Quantity Surveyor.
 - 2.2 Whenever an architectural consultancy practice wishes to establish a branch office, the following requirements must be complied with:-

- (i) obtain the Board's prior written approval;
- (ii) submit particulars of the Professional Architect, Professional Engineer or registered Quantity Surveyor in-charge of the branch office, as the case may be;
- (iii) ensure that every branch office is under the continuous control of the Professional Architect, Professional Engineer or registered Quantity Surveyor, as the case may be.

3. Setting up of Associated Practice

3.1 The procedure of setting up an associated practice shall comply with the following:-

- (i) inform the Board of the association;
- (ii) submit the Memorandum of Understanding / Agreement for the association or any other instrument of associationship.

4. General

4.1 All letterheads of the architectural consultancy practice shall list the names of the sole proprietor, partners or directors with their respective qualifications and designation.


4.2 A project site office shall not be construed as a branch office.

5. The above requirements shall come into immediate effect for all new offices.

6. For existing offices, the above requirements must be complied with by **1 November 2010**.

7. This General Circular replaces General Circular No. 5/1985 dated 10 December 1985.

By Order of the Board of Architects Malaysia,



.....
(Ar. ZURAINA LEILY AWALLUDIN)
Registrar

15 April 2010



LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur

Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur

Tel : 03-26982878 / 26967087 Fax : 03-26936881

E-mel : info@lam.gov.my Web : www.lam.gov.my

PEKELILING AM BIL. 3/2010

GARISPANDUAN MENGENAI PEJABAT CAWANGAN DAN PRAKTIS BERSEKUTU

Perenggan 2(2) di bawah Kod Tatakelakuan Profesional bagi Arkitek Profesional di bawah Jadual Kedua, Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 mengandungi peruntukan berikut :

“Seseorang Arkitek Profesional tidak boleh menubuhkan suatu pejabat cawangan melainkan jika pejabat cawangan itu dikendalikan mengikut garispanduan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Lembaga.”

Berdasarkan peruntukan di atas, Lembaga Arkitek Malaysia menetapkan garispanduan seperti berikut :

1. Sebuah praktis perundingan senibina dibenar menubuhkan pejabat yang lain dalam bentuk berikut: -
 - 1.1 pejabat cawangan - sebuah pejabat yang diuruskan oleh seorang Arkitek Profesional yang menerima kerja-kerja baru dan pejabat tersebut adalah tambahan kepada pejabat utama dan di lokasi geografi yang berlainan.
 - 1.2 praktis bersekutu - tambahan kepada pejabat utama dalam praktis sedia ada yang lain.
2. Penubuhan Pejabat-Pejabat Cawangan
 - 2.1 Sebuah praktis perundingan senibina dibenar menubuhkan pejabat-pejabat cawangan tertakluk kepada perkara berikut:
 - (i) pejabat cawangan itu hendaklah diuruskan sepenuh masa oleh seorang Arkitek Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia;
 - (ii) bagi praktis pelbagai disiplin, pejabat cawangan itu hendaklah diuruskan sepenuh masa sama ada oleh seorang Arkitek Profesional, seorang Jurutera Profesional atau seorang Juruukur Bahan berdaftar.
 - 2.2 Pada bila-bila masa praktis perundingan senibina hendak menubuhkan pejabat cawangan, kehendak-kehendak berikut mestilah dipatuhi:-

- (i) mendapatkan kelulusan bertulis daripada Lembaga terlebih dahulu;
- (ii) mengemukakan butir-butir terperinci Arkitek Profesional, Jurutera Profesional atau Juruukur Bahan berdaftar yang menguruskan pejabat cawangan tersebut, mengikut mana yang berkenaan;
- (ii) memastikan bahawa setiap pejabat cawangan adalah di bawah kawalan berterusan Arkitek Profesional, Jurutera Profesional atau Juruukur Bahan berdaftar, mengikut mana yang berkenaan.

3. Penubuhan Praktis Bersekutu

3.1 Prosidur penubuhan sebuah praktis bersekutu hendaklah mematuhi peraturan berikut:-

- (i) memaklumkan kepada Lembaga mengenai penubuhan praktis bersekutu tersebut;
- (ii) mengemukakan Memorandum Persefahaman / Perjanjian untuk penubuhan praktis bersekutu tersebut atau lain-lain suratcara penubuhan.


4. Am

4.1 Semua kepala surat praktis perundingan senibina hendaklah menyenaraikan nama tuan punya tunggal, rakan-rakan kongsi atau pengarah-pengarah dengan kelayakan dan gelaran masing-masing.

4.2 Sebuah pejabat tapak projek tidak boleh ditafsirkan sebagai pejabat cawangan.

- 5. Kehendak-kehendak di atas hendaklah berkuatkuasa dengan serta-merta bagi semua pejabat baru.
- 6. Bagi pejabat-pejabat sedia ada, kehendak-kehendak di atas hendaklah dipatuhi selewat-lewatnya pada **1 November 2010**.
- 7. Pekeliling Am ini menggantikan Pekeliling Am Bil. 5/1985 bertarikh 10 Disember 1985.

Dengan Perintah Lembaga Arkitek Malaysia,



.....
(Ar. ZURAINA LEILY AWALLUDIN)
Pendaftar

15 April 2010